



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI DI BAWAH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MULAI 13 JANUARI 2021

PERTANYAAN UMUM

- 1. Dimanakah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa bermula 13 Januari 2021?**

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah berkuat kuasa di **Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah** bermula 13 Januari 2021 tertakluk kepada pengumuman Kerajaan daripada semasa ke semasa.

- 2. Adakah fasiliti dan kemudahan sukan dibenarkan beroperasi di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

Tidak dibenarkan. Operasi fasiliti sukan dan rekreasi tidak dibenarkan beroperasi kerana tidak tersenarai di dalam senarai perkhidmatan perlu (*essential services*).

- 3. Apakah aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

BIL	DIBENARKAN
1.	Aktiviti jogging dibenarkan dalam kumpulan tidak melebihi dua (2) orang hanya di dalam kawasan kejiranan sahaja
2.	Aktiviti berbasikal secara berseorangan tidak melebihi 10 km dari

	tempat kediaman. Aktiviti secara berkumpulan adalah tidak dibenarkan
--	--

4. Apakah aktiviti sukan dan rekreasi yang dilarang di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

BIL	DILARANG
1.	Semua aktiviti sukan dan riadah kecuali kelonggaran aktiviti jogging dan berbasikal seperti yang dinyatakan di dalam SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
2.	Aktiviti penganjuran kejohanan/ pertandingan
3.	Aktiviti sukan dan rekreasi yang melibatkan penglibatan yang ramai dan sukar dikawal penjarakan fizikal
4.	Acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negara
5.	Aktiviti sukan dan rekreasi melibatkan pergerakan merentas negeri dan daerah

5. Dimanakah kawasan yang dibenarkan bagi saya menjalankan aktiviti riadah jogging dan berbasikal di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Aktiviti jogging dibenarkan terhad dua (2) orang dalam satu-satu masa dan mematuhi penjarakan fizikal (statik: 1 hingga 3 meter, dinamik 3 hingga 5 meter) di dalam kawasan kejiranan sahaja. Manakala aktiviti berbasikal hendaklah dijalankan secara berseorangan tidak melebihi 10 km dari tempat kediaman.

6. Apakah masa yang dibenarkan bagi saya menjalankan aktiviti riadah di kawasan kejiranan saya sepanjang tempoh PKP?

Orang ramai dibenarkan untuk melakukan aktiviti riadah bermula jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam atau tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) daripada semasa ke semasa.

7. Adakah saya perlu memakai pelitup muka ketika melakukan aktiviti sukan dan rekreasi?

Tidak perlu. Pelitup muka tidak perlu dipakai ketika melakukan aktiviti sukan dan rekreasi. Walau bagaimanapun, pelitup muka hendaklah sentiasa dipakai sebelum dan selepas melakukan aktiviti sukan dan rekreasi.

PENGANJURAN ACARA SUKAN

8. Adakah penganjuran kejohanan dan pertandingan sukan tempatan dan antarabangsa dibenarkan di kawasan PKP?

Tidak dibenarkan. Penganjuran acara sukan termasuklah kejohanan dan pertandingan adalah **DILARANG** di bawah penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

OPERASI PEJABAT PENTADBIRAN PERSATUAN SUKAN

9. Adakah pejabat pentadbiran dan operasi persatuan sukan yang berdaftar di bawah PJS dibenarkan beroperasi sepanjang PKP berkuat kuasa?

Persatuan sukan adalah digalakkan untuk bekerja dari rumah (*work from home*) sepanjang PKP berkuat kuasa.

OPERASI FASILITI DAN KEMUDAHAN SUKAN

10. Adakah saya dibenarkan untuk menjalankan kelas kecergasan seperti senamrobik, yoga dan sebagainya di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Tidak dibenarkan. Operasi fasiliti sukan dan rekreasi tidak dibenarkan beroperasi kerana tidak tersenarai di dalam senarai perkhidmatan perlu (*essential services*).

11. Saya merupakan operator kolam renang di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bolehkah saya membenarkan pengguna menggunakan kemudahan kolam renang tersebut?

Tidak dibenarkan. Aktiviti sukan dan rekreasi air termasuklah di kolam renang adalah tidak dibenarkan di bawah pelaksanaan PKP.

12. Saya merupakan pengusaha dan operator padang bola sepak komersial di kawasan PKP. Adakah saya dibenarkan untuk memberikan kebenaran buat pasukan komuniti mengadakan perlawanan persahabatan?

Tidak dibenarkan. Operasi fasiliti sukan dan rekreasi tidak dibenarkan beroperasi kerana tidak tersenarai di dalam senarai perkhidmatan perlu (*essential services*).

LAIN-LAIN PERTANYAAN

13. Adakah saya dibenarkan untuk melakukan perjalanan ke negeri/ daerah lain bagi tujuan riadah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Tidak dibenarkan. Perjalanan merentas negeri dan daerah adalah tidak dibenarkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi tujuan melakukan aktiviti sukan dan rekreasi.

14. Adakah kursus/ seminar/ bengkel berkenaan sukan dibenarkan untuk dianjurkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Tidak dibenarkan. Penganjuran kursus/ seminar/ bengkel adalah tidak dibenarkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

15. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat mengenai SOP Sektor Sukan dan Rekreasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa?

Orang ramai boleh mengakses dan mendapatkan maklumat mengenai SOP Sektor Sukan dan Rekreasi di pautan <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/> atau <http://www.kbs.gov.my/sopsukanrekreasi>. Selain itu, Bilik Gerakan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi juga boleh dihubungi melalui e-mel sopspportrec@kbs.gov.my atau panggilan telefon ke:

BIL	Nombor Telefon	Waktu Operasi
1.	03-8871 3585	Isnin – Jumaat (8.00 pagi – 5.00 petang)
2.	03-8871 3246	
3.	03-8871 3079	

Selain itu, orang ramai juga boleh berhubung dan mengunjungi Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS Negeri) dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah/ Bahagian/ Kawasan yang berhampiran. Maklumat pejabat boleh dirujuk di <http://www.jbsn.gov.my/>

DIKELUARKAN OLEH:

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

13 Januari 2021

**Kemaskini 2018 hrs*